

PGA catat rampasan lebih RM774,537

Rantau Panjang: Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA 7) membuat tangkapan dan rampasan bernilai RM774,537.13 dalam masa dua minggu selepas mengambil alih penugasan dalam Ops Wawasan Kelantan bermula 15 September lalu.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendant Azhari Nusi, berkata nilai itu membabitkan 43 kes dengan jumlah tangkapan seramai 25 orang membabitkan pelbagai kesalahan dan kes penyeludupan.

Katanya, setakat ini nilai rampasan yang paling tinggi hasil kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bernilai lebih RM454,000 membabitkan penyeludupan lembu, kambing, anak pokok kelapa dan sabut kelapa.

"Kita mengadakan kolaborasi dengan agensi penguatkuasaan di sempadan Malaysia-Thailand seperti Pasukan Polis Marin (PPM), Kementerian Perdagangan, Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Perlindungan Ke-

dutan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

"Selain itu, pihak kami juga memperketatkan kawalan sekatan jalan raya (SJR), sekat pintas, dan pos statik di kawasan Ops Wawasan bagi mengekang kegiatan penyeludupan."

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak jika didapati melanggar peraturan dan undang-undang di Malaysia," katanya pada sidang media di Markas Taktikal Lubuk Stol Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am, Lubuk Stol di sini, semalam.

Dalam operasi terbaru, PGA 7 merampas 14,640 batang rokok seludup bernilai RM21,960 ketika rondaan bermotosikal di Pangkalan Haram Workshop, Jalan Kasban, Kuanan Jambu, Tumpat, Kelmarin.

Azhari berkata, dalam kejadian jam 4.20 petang itu, anggotanya ternampak sekumpulan lelaki sedang memungkah satu kotak dan dua bungkus plastik yang dipercayai dibawa dari tebing Sungai Golok.

"Sebaik menyedari kehadiran pihak kami, mereka bertindak melarikan diri menggunakan ke-



Azhari menunjukkan rokok yang berjaya dirampas di Tumpat, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

reta yang tidak dikenal pasti nombor pendaftaran dan meninggalkan barang yang dipercayai diseludup.

"Hasil pemeriksaan kotak dan plastik, terdapat pelbagai jenis rokok seludup seperti Surya Gudang Garam, Nusantara Gudang Garam, Saat dan Minna International."

"Pihak kami merampas kesemua rokok terbabit untuk dise-

rahkan kepada kastam Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kesalahan terbabit akan disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan dihukum mengikut Seksyen 135(1)(iii)(aa) akta sama jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga 20 kali ganda nilai barang atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

HARI	..
TARIKH	..
M/SURAT	..
	30/9/2019
	61
ISININ	